

**TAHUN 6
BAHASA MELAYU
CIKGU GEE**

Latihan 3

Susun semula ayat di bawah dengan menambah “imbuhan meN-“.

1. *cat* bapa rumah pekerja belum.

2. Sabarudin kawannya *pos* surat kepada.

3. *sangkut* tuala dia itu dinding pada.

4. *tegur* Ahmad saya ketika bertemu di pasar.

Latihan 4

Lengkapkan ayat dengan perkataan yang berimbuhan “meN- ... -kan“.

1. *meN-...-kan* + *sangkut* = _____

2. *meN-...-kan* + *suci* = _____

3. *meN-...-kan* + *elak* = _____

4. *meN-...-kan* + *kejar* = _____

5. *meN-...-kan* + *bantut* = _____

Gabungkan imbuhan “peN-“ kepada kata dasar ini untuk mewujudkan maksud alat.

1. *tapis* _____

2. *baris* _____

3. *cetak* _____

4. *bangkit* _____

Latihan 8

Gabungkan imbuhan “peN-“ kepada kata dasar ini untuk mewujudkan orang yang melakukan sesuatu.

5. urus _____
6. tulis _____
7. lancong _____
8. tinju _____
9. kedai _____

Latihan 9

Bina perkataan daripada gabungan ke- + kata dasar + -an.

1. percaya _____
2. muram _____
3. cergas _____
4. resah _____
5. jahil _____

Soalan 21

(a) Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya.

Tulis perkataan yang betul dalam ruangan yang disediakan,

- (i) Kakak berasa sangat seram sekali apabila dia terdengar bunyi salakan anjing di waktu tengah malam.

- (ii) Nur Azwar Azamuddin bermain helikopter kawalan jauh tetapi tersenyum gembira pada petang itu.

- (iii) Mahaguru Jepun dan pemaistrinya akan mengadakan lawatan rasmi ke beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara.

[3 markah]

(b) Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- (i) “Saya baru sahaja menerima se _____ kad ucapan selamat hari lahir daripada Mia Arisya,” kata Adella.

helai	
-------	--

keping	
--------	--

bidang	
--------	--

- (ii) Puan Kamazura menjamu tetamunnya dengan tiga _____ anggur dan beberapa _____ cempedak goreng.

ikat biji	
--------------	--

gugus ulas	
---------------	--

tangkai ketul	
------------------	--

[2 markah]

(c) Garis jawapan **kata kerja** yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Pelari maraton itu sempat (menuang, meneguk, menyuap) air mineral yang disediakan untuk menghilangkan dahaga.
- (ii) Pak Din (menakik, mengerat, menggaris) batang pokok kelapa itu bagi memudahkan dia memanjat pokok tersebut.

[2 markah]

(d) Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi **peribahasa** yang betul.

- (i) Kek pandan yang dibelinya itu gebu seperti _____

- (ii) Tulisan adik tidak dapat dibaca kerana halus seperti _____

[2 markah]

Soalan 21

(a) Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya.

Tulis perkataan berimbuhan yang betul dalam ruangan yang disediakan,

- (i) Sebahagian besar dari pelanggan di gerai nasi ayam kukus itu adalah pekerja kilang elektronik.

- (ii) Budaya bertegur sapa antara satu sama lain perlu diamalkan di kalangan generasi muda masa kini.

- (iii) Novel 'Perahu Kertas' yang ditulis untuk penulis muda yang berasal dari Pantai Timur itu bermesejkan persahabatan sejati.

[3 markah]

(b) Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- (i) Pak Mahadi dan isterinya menemui beberapa _____ cendawan busut semasa mereka mencari kayu api di pinggir hutan.

kaki	
------	--

bilah	
-------	--

batang	
--------	--

- (ii) Tangan kanan Haji Kamaruddin memegang se _____ kuku kambing manakala tangan kirinya pula memegang se _____ anak benih padi.

pasang cekak	
--------------	--

batang gemal	
--------------	--

bilah rumpun	
--------------	--

[2 markah]

(c) *Garis jawapan kata penguat yang paling sesuai bagi ayat di bawah.*

- (i) “Sudah lama (benar, nian, paling) kita menunggunya namun, dia masih belum muncul lagi,” kata Puan Normah kepada suaminya.
- (ii) Pak Sani menggunakan pisau yang sangat tajam (benar, sekali, betul) untuk melapah daging-daging lembu semasa majlis korban di kampungnya.

[2 markah]

(d) *Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi peribahasa.*

- (i) Sup daging lembu yang dimasak oleh kakak itu liat seperti _____ -

- (ii) Mak Cik Leha asyik meleteri anaknya, mulutnya becok seperti

[2 markah]

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Ibu memasukkan beberapa _____ halia ke dalam masakannya.
A hiris
B gugus
C jambak
D kapur
- 2 Perompak bank itu melepaskan beberapa _____ tembakan sebelum melarikan diri.
A gulung
B jemput
C das
D deret

- 3 Ibu membeli tiga _____ sayur di pasar tani.
- A naskhah
 - B keping
 - C tandan
 - D ikat
- 4 Mak cik menyuruh saya mencabut beberapa _____ uban di kepalanya.
- A ekor
 - B gulung
 - C gelung
 - D helai
- 5 Puan Liew membawa se_____ payung kerana hari hendak hujan.
- A deret
 - B kaki
 - C jambak
 - D kandang
- 6 Adik mengambil dua _____ beras lalu diberi kepada burung itu.
- A gugus
 - B genggam
 - C gumpal
 - D gerombolan
- 7 Mak Timah kehilangan se_____ kunci semasa pulang dari pasar.
- A gelung
 - B jambangan
 - C jambak
 - D gumpal

- 8 Puan Hayati memotong beberapa _____ bawang lalu dimasukkan ke dalam masakannya.
A hiris
B helai
C kaki
D hidang
- 9 Pemuda itu mengambil se_____ kertas tisu lalu mengelap tangannya.
A helai
B gumpal
C gugus
D ikat
- 10 Di langit kelihatan se_____ awan hitam berarak perlahan-lahan.
A gumpal
B genggam
C gugus
D deret

SINONIM

1. Siti disayangi oleh ibu dan bapanya kerana dia anak yang **patuh**.
a) sopan
b) baik
c) rajin
d) taat
2. Adi berasa **gerun** kerana sampan yang dinaikinya bergoyang-goyang.
a) mabuk
b) bimbang
c) penat
d) takut

3. Pengetua **mendenda** murid-murid itu kerana sering melanggar peraturan sekolah.

- a) menyaman
- b) memukul
- c) menghukum
- d) memarahi

4. Kain jarang ini tidak **padan** untuk dibuat baju kurung.

- a) sesuai
- b) cantik
- c) cukup
- d) lengkap

5. Cikgu Munah **mendidik** saya sejak saya di dalam darjah satu.

- a) memerintah
- b) memaksa
- c) mendenda
- d) mengajar

6. Bapa Murni ialah seorang **doktor**.

- a) askar
- b) guru
- c) tabib
- d) pencuri

7. Adik **hitung** wang simpanannya di dalam tabung.

- a) kira
- b) buang
- c) kumpul
- d) ambil

8. Budak lelaki itu **gali** lubang dengan tangannya.

- a) tanam
- b) sumbat
- c) korek
- d) tebuk

PETIKAN PEMAHAMAN

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Semua orang kenal pokok kelapa. Aku berasal daripada salah satu bahagian pokok kelapa iaitu lidi. Bahagian-bahagian lain pada pokok kelapa ialah batang, akar, buah, sabut, daun dan lain-lain.

Semua bahagian ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Aku digunakan oleh manusia sebagai penyapu. Mulanya aku diraut untuk mengasingkan aku daripada daun. Mereka meraut aku dengan pisau. Aku dihimpun satu demi satu. Setelah banyak, aku diikat kuat-kuat dan menjadi sebatang penyapu.

Di kampung atau di bandar, ramai orang menggunakan aku untuk mengumpul sampah sarap dan tidak kurang pula untuk memukul kucing, anjing dan lalat. Selalunya orang meletakkan aku di tempat-tempat yang sempit, sunyi dan kotor. Kadang-kadang aku diletakkan di celah almari, dalam bilik air, dalam tandas dan sebagainya. Kadang-kadang aku ditemani oleh penyapu yang dibuat daripada bahan-bahan lain.

Apabila aku sudah reput, mereka membuang aku di tempat longgokan sampah. Tidak lama kemudian aku dibakar menjadi abu.

1. Apakah keistimewaan lidi berdasarkan kepada petikan di atas ?

- A. Dijadikan sebagai pencucuk sate.
- B. Dijadikan sebagai alat pembilang.
- C. Dijadikan penyapu untuk menyapu sampah.
- D. Untuk memukul kanak-kanak nakal.

2. bagaimanakah penyapu diproses ?

- A. Diraut dan diasingkan daripada daun.
- B. Diasingkan, diraut dan diikat semuanya.
- C. Diraut, dihimpun satu demi satu dan diikat.
- D. Dihimpun, diraut dan diikat semuanya.

3. Siapakah yang menjadi mangsa penyapu lidi ?

- A. Habuk yang berterbangan.
- B. Sampah sarap yang banyak.
- C. Kucing, anjing dan lalat.
- D. Kegunaan-kegunaan lidi kelapa.

4. Apakah tajuk yang sesuai untuk petikan di atas ?

- A. Kelebihan lidi kepada manusia
- B. Aku sebatang penyapu lidi
- C. Lidi boleh dijadikan penyapu
- D. Kegunaan-kegunaan lidi kelapa

5. Maksud keistimewaan berdasarkan petikan di atas ialah “

- A. Perlu
- B. Keperluannya
- C. Kegunaannya
- D. Penting